



**TIGA** wanita menunjukkan *buggy* elektrik model NZ14 daripada Naza Auto Solution Asia Sdn Bhd selepas dilancarkan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah sempena Majlis Pelancaran Naza E-Bug 2017 di Langkawi baru-baru ini.

## Sasar jadi pulau rendah karbon

**S**EJUMLAH RM3 juta diperuntuk untuk melaksanakan dua projek bawah inisiatif Pulau Rendah Karbon Langkawi 2030 tahun ini, kata Pegawai Daerah Langkawi, **Isahak Murat** baru-baru ini.

Beliau berkata, projek berkenaan termasuk perkhidmatan teksi elektrik dan pemasangan 20 stesen mengecas kenderaan elektrik di sekitar pulau peranginan itu.

“Pada masa ini, projek tersebut berada pada peringkat perolehan dan kami jangka akan siap tidak lama lagi untuk membolehkan projek itu bermula tahun ini,” kata beliau di luar acara Majlis Rumah Terbuka Muafakat Aidilfitri Langkawi di

pulau legenda itu baru-baru ini.

Inisiatif Pulau Rendah Karbon Langkawi diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 2015 bagi menjadikan Langkawi sebagai contoh penggunaan tenaga boleh diperbaharui (RE), mobiliti elektrik, pengurusan sisa buangan dan bangunan hijau.

Isahak berkata, beberapa syarikat swasta telah menunjukkan minat untuk menyertai inisiatif itu antaranya termasuklah Naza Auto Solution Asia Sdn. Bhd., yang akan memulakan perkhidmatan kenderaan *buggy* elektrik di Pantai Chenang bulan depan.

Sebuah lagi syarikat tempatan, Tropical Charters Sdn. Bhd., juga

telah memulakan perkhidmatan bot pelayaran berkuasa solar.

Isahak berkata, beberapa syarikat masih mengusahakan model perniagaan mereka untuk memenuhi inisiatif tersebut.

Beliau berkata, inisiatif Pulau Rendah Karbon bermula tahun lepas menerusi pelaksanaan projek berasaskan komuniti di Kampung Kuala Melakad untuk mengitar semula sisa makanan menjadi bahan kompos dan bahan pencuci.

“Kami akan terus melaksanakan lebih banyak projek untuk memenuhi aspirasi bawah inisiatif Pulau Rendah Karbon Langkawi dengan penglibatan sektor swasta dan masyarakat setempat,” kata beliau.